



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 8 DISEMBER 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	HARGAI PERANAN MEDIA SEBAR USAHA KERAJAAN, NASIONAL, SH -8 RERUAI KPKM SEDIA AKTIVITI MENARIK, BERMANFAAT, NASIONAL, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
3. 4. 5.	REZEKI TENGGUJUH, JUAL 400kg LADA, CILI, NEGARA, KOSMO -14 PROGRAM INISIATIF BERI IMPAK POSITIF GOLONGAN MUDA B40, NASIONAL, BH -16 DUA SEPUPU RUGI RM10,000 TIMUN DITENGGELAMI AIR, NEGERI KELANTAN, SH -28	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Mohamad buat kunjungan hormat ke Karangkraf

Oleh IZWAN ROZLIN
SHAH ALAM

Peranan media penting dalam menyebarkan maklumat yang benar berkenaan usaha kerajaan untuk meneruskan agenda rakyat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, media perlu menjadi ejen penerangan supaya rakyat memahami apa yang diusahakan dan dilakukan oleh kerajaan.

Hargai peranan media sebar usaha kerajaan

"Media kena uar-uarikan apa yang kerajaan buat. Jika rakyat faham, dia tidak bergantung kepada persepsi, fitnah dan sebagainya. Bila tiba pilihan raya mereka akan memilih parti atau individu yang layak," katanya ketika melakukan kunjungan hormat ke Kumpulan Karangkraf di sini pada Khamis.

Kehadiran beliau disambut dan diiringi Penasihat Kumpulan Karangkraf, Datuk Hussamuddin Yaacob; Ketua Pegawai

Eksekutif Grup Sinar Karangkraf, Farah Hussamuddin dan Ketua Pengarang *Sinar Harian*, Zamri Rambli.

Dalam lawatan itu, beliau diberi penerangan dan dibawa melihat operasi editorial akhbar dan portal *Sinar Harian* sebelum di bawa ke studio untuk rakaman sesi wawancara khas.

Mengulas lanjut Mohamad berkata, setakat ini beliau berpuas hati dengan peranan yang dimainkan oleh *Sinar Harian*

sebagai sebuah akhbar yang bebas dan berkecuali.

"Banyak usaha kerajaan yang masih rakyat tidak tahu umpamanya tentang peruntukan bagi projek menaik taraf infrastruktur dan sistem pengairan di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang melibatkan kos kira-kira RM3 bilion.

"la secara tidak langsung turut dapat meningkatkan taraf hidup petani yang 90 peratus adalah kaum Melayu," ujarnya.

Beliau dalam pada itu mengucapkan terima kasih kepada *Sinar Harian* kerana boleh bekerjasama dengan KPKM dalam memberikan informasi berkaitan isu semasa termasuk maklumat berkaitan bekalan dan keselamatan makanan.



Mohamad (depan, tengah) mengadakan kunjungan hormat ke Kumpulan Karangkraf pada Khamis.

Reruai KPKM sedia aktiviti menarik, bermanfaat

SHAH ALAM - Showcase pertanian moden di reruai Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dijangka mencuri tumpuan orang ramai sempena Program Setahun Bersama Kerajaan Madani yang akan berlangsung di pekarangan Stadium Nasional Bukit Jalil, Kuala Lumpur bermula pada 8 sehingga 10 Disember ini.

KPKM dalam satu kenyataan memaklumkan, dengan memamerkan teknologi terkini bidang pertanian, KPKM menyediakan pengisian menarik kepada pengunjung antaranya simulasi penggunaan dron pertanian dan mesin jentuai padi serta aktiviti pertanian secara realiti maya.

Berkonsepkan teknologi dan digital, selain showcase pertanian moden, KPKM menampilkan beberapa pengisian menarik di reruainya iaitu di khemah 23 dan 33 antaranya pameran digital, demonstrasi, perkhidmatan dan

pocket talk yang dijangka memberikan manfaat kepada para pengunjung.

(i) Pameran digital:

- Pencapaian setahun Kerajaan Madani
- Digital akuarium hidupan laut terancam

(ii) Showcase pertanian moden:

- Simulasi penggunaan dron pertanian
- Simulasi penggunaan mesin jentuai padi
- Aktiviti pertanian secara realiti maya

(iii) Demonstrasi:

- Kacukan anak pokok seperti duri-an, mangga dan jambu;
- Penghasilan kelapa telur (kelapa *yellow dwarf*);
- Penjagaan dan dandan kucing baka bulu panjang dan baka bulu pendek;
- Ukiran buah-buahan mengikut imej yang terpilih;
- Penyediaan sushi dari ikan tuna;

- Eksport nangka ke pasaran global

(iv) Perkhidmatan:

- Dana pembiayaan Agrobank termasuk Program Geran Padanan *Change Upgrade Product* (CUP) dan Program Geran Padanan *High Impact Product* (HIP)
- Geran usahawan KPKM termasuk Geran Agropreneur Muda

(v) Lain-lain:

- Reruai foto yang interaktif
- Sampel makanan produk-produk usahawan tani dan uji rasa


Satu sesi *pocket talk* akan diadakan di pentas kedua bermula jam 12.10 hingga 1.10 tengah hari pada 10 Disember 2023 (Ahad).

Pengisiannya seperti berikut:

- Perkongsian kejayaan agropreneur muda, Puan Norhazlina Sajali (Usahawan Sambal, Pes dan Sos); dan
- Perkongsian mengenai geran/ pembiayaan ditawarkan Agrobank terutamanya berkaitan teknologi pertanian moden.



Terdapat pelbagai aktiviti bermanfaat di reruai KPKM.



Program Jualan Agro Madani antara aktiviti menarik yang disediakan.

Rezeki tengkujuh, jual 400kg lada, cili

GUA MUSANG - Musim tengkujuh memberi limpahan rezeki buat seorang pemuda apabilalah kira-kira 2,000 batang pokok lada solok tameng sari dan cili kuli yang dusahakannya secara fergasi di Kampung Kuala Toi, di sini mendapat permintaan tinggi pemborong.

Muhammad Aiman Yaacob, 24, berkata, dia menjangkakan hasil tanaman lada dan cili untuk musim tuayan kali ini mampu mencecah empat tan.

"Saya berjaya mengumpul 400 kilogram (kg) lada dalam tempoh seminggu untuk dipasarkan ke daerah terjejas banjir.

"Saya mendapat kelebihan apabila kawasan saya bebas banjir berbanding petani di kawasan Kota Bharu dan Rantau Panjang apabila tanah pertanian mereka ditenggelami air. Jadi, tiada lambakan sayuran dan permintaan pula melonjak menyebabkan harga pasaran meningkat.

"Harga yang dijual kepada pemborong mencecah RM18 sekilogram berbanding harga asal RM10 bagi sekilogram. Pada Disember tahun lalu, harga cili saya pernah mencecah

RM24 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Dia yang merupakan lulusan Diploma Kejuruteraan Awam Politeknik Ungku Omar, Perak berkata, idea untuk usahakan tanaman cili itu tercetus ketika Perintah Kawalan Pergerakan dua tahun lalu.

Katanya, berbekalkan modal RM15,000, dia memulakan projek menanam pokok lada dan cili di tanah seluas 0.4 hektar.

"Antara cabaran yang perlu dihadapi adalah perubahan cuaca dan harga pasaran. Saya mendapat sokongan daripada ahli keluarga yang turut membantu gerak kerja di kebun.

"Saya juga bersyukur apabila mendapat bimbingan daripada para petani lama selain ikuti kursus dan khidmat nasihat-laburan Pertanian daerah," katanya.

Beliau turut menggalakkan anak muda digalakkan menceburi bidang pertanian sebagai puaa pendapatan.

"Saya dapat lham urtuk bertani selepas lihat kejayaan seorang pengusaha kebun cili. Jadi, saya cuba sistem fertigasi dan ingin membuat kelainan di kampung ini," katanya.



MUHAMMAD AIMAN menunjukkan lada solok yang dikurap di kebunnya di Kampung Kuala Toi, Gua Musang semalam. - AIMUNI TUAN LAH

Program inisiatif beri impak positif golongan muda B40

Kursus kendalian UPM tingkat kemahiran peserta dalam bidang pertanian

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program Inisiatif Pendapat Rakyat (IPR) menerusi Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) yang dikendalikan Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi impak positif kepada golongan muda B40 dalam bidang pertanian.

Peserta latihan Program Kecemerlangan Industri Pertanian selama setahun di universiti itu, mendapat pendedahan kemahiran pertanian moden dari segi teori dan praktikal.

Nur Razam Hamid, 25, tidak melepaskan peluang ditawarkan kerana baginya bidang pertanian sangat meluas dan memerlukan latihan profesional serta bantuan infrastruktur pertanian yang sukar untuk diperoleh.

Beliau berminat dalam bidang pertanian sejak zaman persekolahan kerana ibu bapanya mengerjakan ladang kelapa

sawit di kampung.

"Bagi saya minat sahaja tidak mencukupi tanpa ilmu pertanian, lebih-lebih lagi zaman sekarang dengan pelbagai infrastruktur pertanian yang canggih.

"Program ini sangat membantu saya untuk mendapatkan latihan secara teori dan amali bagi menjadi petani muda moden yang mempunyai perniagaan kekal," katanya.

Ummu Hani Abdu Razak, 23, yang berasal dari Muar, Johor dan baru menamatkan pengajian di UPM, tidak mengambil jurusan pertanian.

Bagaimanapun, minatnya dalam bidang keusahawanan menjadi faktor utama menyertai program berkenaan.

"Saya bercita-cita membuka ladang berkonsepkan agropelancangan supaya pelanggan dapat menikmati pengalaman memetik sayur dan buah-buahan akan berada di kebun sendiri.

"Saya juga berhasrat membekalkan sayur dari ladang kepada pasar raya dan kedai runcit di sekitar Johor," katanya yang mahu menggunakan peluang yang diberikan itu sebaiknya.

Tingkatkan kualiti pertanian

Bagi Khairul Najmi Ainal Idham, peluang terpilih menyertai program itu memberi peluang kepadanya menjaga tanaman sehingga memperoleh hasil yang



Khairul Najmi menyertai Program Inisiatif Pendapat Rakyat menerusi Inisiatif Usahawan Tani yang dikendalikan UPM di Serdang, baru-baru ini.

banyak dan berkualiti.

Ketika menuai hasil buah rock melon, katanya, segala kepantasan dilupakan selepas memperoleh hasil yang sihat dan berkualiti berkat penjagaan rapi bersama peserta program.

"Kita perlu bersyukur kerana pertanian zaman sekarang tidak teralu mematenkan berbanding sebelum ini kerana pemerksaan sektor pertanian menggunakan internet pelbagai benda (IoT).

"Gabungan IoT dan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pertanian ini dapat me-

ingkatkan produktiviti, kecekapan tanaman dan mengurangkan kos pengeluaran serta tenaga kerja," katanya.

UPM sebelum ini melancarkan IPR Usahawan Tani di bawah Kementerian Ekonomi untuk meningkatkan pendapatan rakyat melalui teknologi pertanian.

Tempoh latihan bagi peserta Program Kecemerlangan Industri Pertanian adalah setahun bagi sektor agropreneur dan setahun setengah bagi sektor akua-

kultur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/12/2023	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

Dua sepupu rugi RM10,000 timun ditenggelami air

RANTAU PANJANG - Dua sepupu kerugian kira-kira RM10,000 apabila ladang timun fertigasi yang diusahakan di Kampung Padang Licin, di sini musnah ditenggelami banjir.

Muhammad Syahfiq Mohamad Zulkepli, 19, dan Mohamad Luqman Othman, 20, pertama kali menanam sayuran itu di tanah seluas 0.4 hektar selepas mengambil alih daripada bapa saudara mereka.

Muhammad Syahfiq berkata, sebanyak 600 polibeg benih timun disemai pada Oktober lalu dan berbuah serta sudah boleh dikutip hasilnya pada akhir bulan lalu.

“Saya hanya sempat mengutip sekitar 60 kilogram sebelum banjir melanda dua minggu lalu dan tidak sempat mengambil timun yang selebihnya hingga kami rugi sekitar RM10,000.

“Air naik mendadak kerana hujan semalam (Rabu) dan menenggelamkan timun-timun hingga rosak serta tidak dapat diselamatkan,” katanya ketika ditemui di



Sayur timun yang tidak sempat dikutip kerana banjir.

Kampung Padang Licin, di sini pada Khamis.

Tambahnya, keadaan banjir termenung sedalam 0.7 meter yang berlaku di kawasan yang itu turut memburukkan lagi keadaan apabila sayuran tersebut

terendam lebih lama dan menjadi busuk.

Bagaimanapun, Muhammad Syahfiq berkata, kejadian tersebut tidak matakahkan semangatnya selain berhaajat untuk kembali mengusahakan tanaman timun yang baharu apabila banjir pulih kelak.



MUHAMMAD SYAHFIQ